

SHAHBUDIN HUSIN



Tak berubah, faktor Rosmah & pola Sarawak petanda BN *The End*

NAJIB

Perdana Menteri

Terakhir...

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
KEMERDEKAAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Tak berubah, faktor Rosmah &
pola Sarawak petanda BN *The End*

NAJIB

Perdana Menteri
Terakhir...

PUSTAKA PERDANA



1008881

SHAHBUDIN HUSIN



NAJIB PERDANA MENTERI TERAKHIR...

Cetakan Pertama 2011
Hak Cipta Terpelihara
@Shahbudin Husin

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa cara dan bentuk sekali pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Penerbit
Special One Publication
No 4, Jalan 2/18, Dataran Templer
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor.

Pencetak
Percetakan Sri Jaya
No. 3, Jalan 11/34B
Sri Edaran Industrial,
52100 Kuala Lumpur

HARGA: RM20.00
Sabah/Sarawak: RM22.00



KANDUNGAN

Bab	Muka Surat
Bingkisan Penerbit	i
1. Sarawak Pemangkin Kejatuhan BN...	1
2. Rebah Sebab Tak Berubah	11
3. UMNO Mesti Dikalahkan	33
4. Jangan Bimbang Jika UMNO Tumbang	43
5. Menteri-Menteri Yang Gagal	51
6. 1Malaysia Jadikan Melayu Kelas Kedua?	63
7. Juara Rakyat Program “Syok Sendiri”	83
8. BN = Barang Naik	91
9. Pengundi Muda-KJ Perlu Jadi Menteri	103
10. Rosmah Punca Rakyat Tolak UMNO	117
11. Tun Siti Tak Menyibuk	135

12.	Pengkhianat Jadi Primadona...	139
13.	Najib Guna Salah Strategi	149
14.	Perpaduan Melayu Untuk Selamatkan UMNO	161
15.	Komuniti Perniagaan Jadi Penentu	171
16.	UMNO Punca Melayu Berpecah	185
17.	Melayu Hilang Kuasa Atau UMNO Hilang Kuasa	195
18.	Doa Fadzil Noor	205
19.	Hanya Johor Dan Melaka Selamat...	213
20.	Perkasa – Kuasa Baru Politik Malaysia	241
21.	Retorik Seorang Perdana Menteri	251
22.	Najib Bukan ‘Fighter’	267
23.	Najib Perdana Menteri Terakhir...	285
24.	Penyelesaian Politik Malaysia Ialah Kerajaan Bertukar Ganti	305
25.	UMNO Akan Jadi ‘Dinosaur’	321

BINGKISAN PENERBIT

Sudah lebih dua tahun Najib menjadi Perdana Menteri, namun UMNO dan kerajaan yang dipimpinnnya belum lagi menunjukkan tanda-tanda positif dari segi penerimaan rakyat. Jika dihitng, luahan rasa kecewa, tidak yakin malah keraguan lebih banyak kedengaran berbanding sanjungan dan keyakinan. UMNO dan kerajaan yang diterajui Najib dipertikai hampir dari semua sudut sebenarnya.

Dari kepimpinan yang terlalu bertolak ansur dan tidak tegas, Melayu rasa dipinggirkan, barisan kabinet yang diragui, pentadbiran dibayangi skandal dan rasuah, ekonomi yang lembab, pelabur menjauhkan diri, harga minyak, gula dan barang naik, cenderung kepada dasar kronisme dan nepotisme sehinggalah kepada isu campurtangan isteri dan penglibatan beberapa pegawainya yang didakwa rasuah serta salah guna kuasa, semuanya menjurus kepada semakin meningkatnya ketidakpercayaan rakyat terhadap beliau.

Tidak pernah dalam sejarah Malaysia, seorang Perdana Menteri diragui rakyat sebegini rupa. Sudahlah beliau sendiri dikaitkan dengan pelbagai isu seperti

pembunuhan Altantuya, komisyen kapal selam, kehilangan enjin jet dan pelbagai isu lainnya, Najib dalam masa yang sama terpaksa pula menanggung beban akibat keghairahannya isterinya yang turut dilihat seperti bersaing ingin menunjukkan kuasa dan kekuatan. Lebih parah, beberapa pegawainya pula turut dikaitkan dengan dakwaan rasuah, salah kuasa kuasa dan mengumpul kekayaan berlebihan.

Ini menjadikan kerajaan yang ditadbir Najib lebih terserlah kelemahannya. Meskipun pelbagai program dan transformasi diperkenalkan, ia tidak mampu memulihkan keyakinan rakyat. Rakyat secara umumnya tidak mudah terpana dengan gegak-gempita transformasi kerana secara realitinya kehidupan mereka hari ke hari makin terhimpit. Minyak makin naik meski kita pengeluar minyak dan Petronas untung RM90 billion setahun, harga barang keperluan makin mahal, subsidi rakyat makin dikurangkan, inflasi meningkat, kontrak makin sedikit, peluang pekerjaan tidak bertambah dan kerajaan sentiasa diselubungi isu urus tadbir dan kawal kelola yang lemah.

Selain itu, meningkat dan kerapnya operasi agensi penguatkuasa seperti polis dan JPJ di tempat dan waktu yang tidak munasabah turut menggusarkan rakyat dan ia dilihat sebagai satu kaedah untuk kerajaan meningkatkan pendapatan negara. Rakyat seolah-olah sekali lagi dibebankan disebalik kegagalan kerajaan melonjakkan ekonomi.

Dari segi UMNO pula, laungan 'rebah jika tidak berubah' tidak disambut sepenuhnya oleh ahli dan pemimpin parti itu sendiri. Pemimpin UMNO rata-ratanya masih mengamalkan gaya hidup lama, tidak mesra rakyat dan kurang ikhlas serta amanah dalam perjuangan. Mengutamakan kelompok, mencah musuh serta cah keting masih menjadi budaya. Bagi yang ada jawatan dalam kerajaan masih juga dengan budaya sombong, angkuh serta menunjuk-nunjuk kekayaan dan kemewahan. Meskipun dilanda tsunami politik 2008, UMNO secara umumnya masih tidak berubah. Pemimpinnya masih macam bunga teratai –bergaya dan dilihat cantik tapi akar tak pernah jejak

ke bumi. Sesetengahnya pula bersikap seperti burung cenderawasih – semua urusan kehidupan diatas awan, hanya bila mati baru mencecah bumi.

Sebab itulah UMNO makin dipandang serong oleh majoriti rakyat, baik kakitangan kerajaan, swasta, orang kampung, golongan pertengahan, kaya waima orang miskin dan papa kedana pun sudah hilang harapan kepada UMNO untuk membela nasib dan masa depan mereka. Setelah lebih 50 tahun merdeka, golongan miskin makin bertambah jumlahnya. Pembelaan dan bantuan hanya datang jika ada pilihanraya. Kadangkala kemiskinan itu sengaja dibiarkan supaya boleh digunakan sebagai senjata untuk menang pilihanraya. Namun peredaran zaman membuatkan rakyat makin terbuka mata dan celik otaknya, tidak selamanya mereka boleh dihina serta diperdaya.

Hari ini kebangkitan rakyat bagaikan sesuatu yang tidak dapat dihalang lagi. Kemerostan sokongan rakyat kepada UMNO dan kerajaan bukan saja disebabkan perilaku yang buruk serta tidak menepati akhlak sebagai pemimpin kepada rakyat tetapi juga kerana kegagalan kerajaan memberikan kehidupan yang lebih baik untuk rakyat. Rakyat makin hari makin dibebankan dengan pelbagai masalah dan kesukaran sedangkan pemimpin lebih selesa mengutamakan diri sendiri, keluarga, anak-anak dan kroni.

Dengan era kebangkitan rakyat di beberapa negara terutama di Timur Tengah dan Afrika Utara sejak akhir-akhir ini secara tidak langsung mencetuskan keberanian kepada rakyat untuk mengakhiri era pemerintahan BN melalui peti undi dalam PRU 13 nanti. Ditambah pula dengan kesedaran rakyat yang makin bertambah mengenai politik di beberapa negara lain yang jelas memperlihatkan bahawa sistem dua parti dan kerajaan yang boleh bertukar ganti adalah kaedah terbaik untuk membentuk pemimpin dan kerajaan menjadi lebih bertanggungjawab, amanah serta ikhlas dan perjuangan mereka. Secara tidak langsung baru disedari bahawa punca utama kebobrokan pemimpin UMNO dan kerajaan adalah berpunca daripada tempoh pemerintahannya yang sudah terlalu lama sehingga

ga gaya rakus, bermewah, sombong dan tidak memperdulikan rakyat mudah menjadi budaya.

Di Amerika Syarikat misalnya, kemenangan Barack Obama dan Demokrat dalam pilihanraya Presiden 2009 disambut dengan gah dan bagai memberi harapan baru bukan saja kepada rakyat Amerika tetapi juga kepada dunia. Namun setelah lebih dua tahun, Obama dilihat lebih banyak retorik dan gagal melonjakkan ekonomi, maka dalam pilihanraya Dewan Perwakilan November tahun lalu, Demokrat telah tewas kepada Republikan. Ia memberi gambaran bahawa pemimpin yang banyak beretorik tetapi gagal menyelesaikan masalah 'periuk nasi' rakyat, akhirnya akan ditolak. Menjelang pilihanrayanya Presiden akan datang, laluan berliku sedang menanti Obama.

Najib juga mengalami masalah hampir sama. Beliau bukan saja dipertikai dan keupayaannya diragui sejak awal lagi, malahan keyakinan rakyat bertambah buruk tidak lama selepas beliau menjadi Perdana Menteri. Meski pelbagai usaha cuba dilakukan, termasuk memperkenalkan transformasi ekonomi dan politik, namun pelbagai masalah yang membelenggu diri, keluarga, kerajaan dan pimpinan UMNO sendiri membuatkan keyakinan rakyat terhadap beliau amat goyah sebenarnya.

Lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran politik, Najib dilihat lebih suka menggunakan strategi menelanjangkan habis-habisan musuh politiknya, terutamanya Anwar Ibrahim untuk mendapatkan sokongan rakyat. Ekonomi lemah, pelaburan asing menurun, harga minyak dan barang keperluan naik, inflasi mencanak, peluang perniagaan makin kurang, peluang pekerjaan juga tiada, rasuah berleluasa dan kehidupan rakyat makin terhimpit tidak cuba diatasi dengan sewajarnya, sebaliknya semua masalah itu cuba ditutup dengan memperbesarkan isu-isu lain seperti kes liwat, serangan peribadi yang remeh-temeh dan video seks dengan tujuan mengalih perhatian rakyat.

Segala isu peribadi dan perkara remeh-temeh berkaitan Anwar sentiasa cuba dipolitik dan disen-